

Beri secepat mungkin bantuan banjir - PM

Oleh MUHAMAD AIMY AHMAD
utusannews@mediamulia.com.my

SEGAMAT: Bantuan Wang Ihsan (BWI) kepada ketua isi rumah mangsa banjir mesti disalurkan segera supaya mereka dapat membeli kelengkapan baharu bagi menggantikan barangan yang rosak akibat banjir.

Perdana Menteri, Datuk Seri Ismail Sabri Yaakob berkata, bantuan itu perlu disalurkan sebelum mangsa meninggalkan pusat pemindahan sementara (PPS) bukannya selepas enam bulan dilanda bencana tersebut.

“Seperti dulu-dulu ada yang tiga hingga enam bulan baru dapat. Ada seorang makcik maklumkan dia tinggalkan semua barang, dia pun tak tahu apa jadi dengan barangan di rumah tetapi memang rosaklah apabila dibiarkan lama.

“Jadi kita bagi BWI terus kepada keluarga bagi mengurangkan bebanan mereka yang mungkin boleh beli barang keperluan dan lain-lain,” katanya



ISMAIL Sabri Yaakob menyampaikan bantuan banjir kepada salah seorang mangsa ketika meninjau PPS Balairaya Kampung Tandong di Buloh Kasap, Segamat, Johor, semalam. - UTUSAN/RAJA JAAFAR ALI

ketika bersama-sama Menteri Besar, Datuk Hasni Mohammad meninjau keadaan banjir di daerah ini termasuk singgah melawat PPS Balairaya Kampung Tandong di Buloh Kasap, semalam.

Perdana Menteri turut per-

caya banyak bantuan lain akan diterima seperti kelengkapan dapur, tilam, pakaian dan sebagainya.

Sementara itu, Ismail Sabri turut meluluskan peruntukan segera RM5 juta bagi pembinaan ban di Kampung Spang

Loi, di sini melibatkan naik taraf ban sedia ada sepanjang 1.5 kilometer.

Peruntukan itu juga bagi meninggikan ban itu daripada aras 5.2 meter kepada 6.2 meter bagi menampung air banjir yang meningkat berbanding semasa direka bentuk sebelum ini.

“Saya sudah dengar pembentangan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), jika nak elak banjir berterusan di Segamat, ban baharu perlu dibina supaya ketinggian dapat dinaikkan.

“Ban yang pecah di Segamat berikutan ia tak dapat menampung jumlah air yang terlalu besar, oleh itu saya luluskan peruntukan RM5 juta supaya ban baharu dapat dibina segera sebagai pelan jangka panjang kurangkan banjir di daerah ini,” katanya.

Dalam pada itu, Ismail Sabri berkata, kerajaan akan memberi fokus menyelesaikan isu banjir di kawasan atau negeri yang berhadapan isu banjir yang mendesak serta kritikal.